



جابتن ڦرتانين دن اگري ماکن

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan



GARISPANDUAN RUMAH PEKERJA PENGUSAHA-PENGUSAHA DI BAWAH KAWALAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

Disediakan Oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan


ISI KANDUNGAN



01 PENDAHULUAN

02 GARISPANDUAN MINIMA RUMAH PEKERJA

03 KEGAGALAN MEMATUHI GARISPANDUAN



1. PENDAHULUAN

Visi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan adalah pertumbuhan pesat Keluaran Industri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi demi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tidak lupa memfokuskan dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan pekerja yang ditempatkan di ladang-ladang di samping mementingkan pengeluaran ladang. Inisiatif ini juga adalah sebagai dokongan kepada usaha Jabatan Buruh dalam menjaga kesejahteraan pekerja ladang terutama sekali warganegara asing yang banyak ditempatkan di ladang-ladang tempatan di negara ini.

GARISPANDUAN INI BERPERANAN SEBAGAI

1. Rujukan asas kepada pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi memudahkan menjalankan pemantauan, teguran/ nasihat dan tindakan yang berpatutan berkenaan dengan rumah pekerja di ladang.
2. Rujukan bagi tanggungjawab majikan kepada pekerja dalam menyediakan fasiliti mengikut garis panduan untuk kesejahteraan pekerja

GARISPANDUAN INI MEMFOKUS KEPADA PENYEDIAAN PERKARA-PERKARA ASAS SEPERTI BERIKUT:

1. Penyediaan ruang tidur pekerja
2. Penyediaan fasiliti bagi kesejahteraan pekerja
3. Penyediaan fasiliti sanitari pekerja
4. Kesihatan dan keselamatan pekerja

Garis panduan ini diterbitkan menggunakan rujukan daripada *International Labour Organisation, Switzerland* dan garis panduan daripada Perintah Pekerjaan, 2009 di bawah kawalan Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.



2.GARISPANDUAN MINIMA RUMAHPEKERJA

Penyediaan rumah pekerja adalah satu keperluan dalam memastikan keselamatan struktur dan tahap kebersihan dan keselesaan yang berpatutan.

Aspek-aspek yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:-

1 Penyediaan ruang tidur pekerja:

- **Katil atau tilam** disediakan secara **berasingan** bagi setiap pekerja.
- **Ketinggian** paras siling rumah pekerja sekurang-kurangnya **6 kaki**
- **Keluasan ruang tidur** bagi setiap pekerja berukuran **7 kaki panjang dan 7 kaki lebar, dan** jarak antara ruang tidur setiap **pekerja adalah 1m**
- **Ruang bilik berasingan** bagi lelaki dan perempuan
- Ruang bilik mempunyai **pencahaya (jendela) dan mempunyai lampu**
- Mempunyai **jendela dan ventilasi** bagi pengaliran udara
- Mempunyai sekurang-kurangnya kipas angin bagi setiap bilik pekerja.

2 Penyediaan fasiliti bagi kesejahteraan pekerja:

- Menyediakan air yang bersih dan mencukupi
 - Menyediakan almari (locker) untuk setiap pekerja
 - Mempunyai ruang makan, kantin atau dapur berasingan
 - Kemudahan alat mencuci pakaian dan tempat penyediaan jemuran pakaian yang teratur.
 - Mempunyai bekalan elektrik dan pendawaian yang selamat.
- 

2. GARISPANDUAN MINIMA RUMAHPEKERJA (SAMBUNGAN)

3 Peyediaan fasiliti sanitari pekerja:

- Menyediakan kemudahan tandas/bilik mandi
- Tandas/ bilik mandi yang mempunyai saliran kepada *septic tank*
- Mempunyai jendela dan ventilasi bagi pengaliran udara

4 Kesihatan dan keselamatan pekerja:

- Kedudukan rumah pekerja hendaklah berasingan dengan bangunan/fasiliti ladang yang lain
- Struktur rumah pekerja selamat dan selesa
- Rumah pekerja mempunyai perangkap haiwan perosak “Pest Control”
- Menyediakan peti pertolongan cemas (First aid kit)
- Penyediaan alat pemadam api dan alat pencegah kebakaran
- Panduan keselamatan dipaparkan (Emergency contact)

3. KEGAGALAN MEMATUHI GARISPANDUAN

- Teguran awal secara lisan akan diberikan kepada majikan jika terdapat perkara-perkara yang tidak mematuhi garispanduan.
- Tindakan secara persuratan rasmi akan diberikan kepada majikan jika masih tidak mematuhi perkara-perkara yang telah ditegur secara lisan.
- Perkara tersebut akan dilaporkan kepada Jabatan Buruh untuk pemeriksaan seterusnya.
- Jika Jabatan Buruh menjalankan pemeriksaan rumah pekerja di ladang dan didapati perkara-perkara yang tidak mematuhi garispanduan, Jabatan Buruh akan mengenakan kompaun berpanduan seperti berikut:-

- Jika Jabatan Buruh menjalankan pemeriksaan rumah pekerja di ladang dan didapati perkara-perkara yang tidak mematuhi garispanduan, Jabatan Buruh akan mengenakan kompaun berpanduan seperti berikut:-

1. Bab 80 – Gagal menyediakan tempat tinggal dan pengurusan kebersihan persekitaran

2. Bab 81 – Tempat tinggal tidak menurut peruntukan sebarang undang-undang yang bertulis.

3. Bab 82 – Gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas.

4. Denda kompaun yang akan dikenakan, mengikut kehendak Bab 147, Perintah Pekerjaan (Komposisi Kesalahan), 2017 bawah Kawalan Jabatan Buruh iaitu suatu jumlah wang tidak melebihi dari \$1,000.